

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 18 Tahun 2021

PEKELILING DASAR PELAKSANAAN IMUNISASI COVID-19 BAGI STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai penerimaan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 bagi ketetapan mengenai Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 Bagi Staf Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) mulai 24 Februari 2021 untuk mengurangkan kesan jangkitan akibat virus COVID-19.
- 2.2 Dalam usaha untuk memberikan keyakinan dan jaminan kepada orang awam serta memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat, Kerajaan telah menetapkan supaya semua staf melengkapkan imunisasi COVID-19.
- 2.3 Seseorang staf UiTM adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan selaras dengan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) serta terikat dengan Surat Aku Janji yang ditandatangani oleh staf apabila dilantik ke dalam perkhidmatan UiTM serta selaras dengan subperaturan 20(3) Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012] dan hendaklah mematuhi, antara lain, apa-apa pekeling, surat pekeling, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatannya dengan UiTM.

- 2.4 Seterusnya, subperaturan 20(8) P.U. (A) 1/2012 memberi kuasa kepada Ketua Jabatan untuk mengarahkan mana-mana staf yang sedang berkhidmat untuk mengemukakan maklumat kesihatan bahawa staf telah mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap.
- 2.5 Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2021 berkenaan "Dasar Pelaksanaan Imunisasi Covid-19 Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan", selaras dengan subperaturan 62(2) P.U. (A) 1/2012 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk mengeluarkan panduan bagi menjelaskan pelaksanaan dasar ini.
- 2.6 Dalam hal ini, apa-apa tindakan seseorang staf hendaklah selari dengan dasar Kerajaan berhubung dengan pelaksanaan imunisasi COVID-19.
- 2.7 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 34/2021 pada 20 Oktober 2021 telah mengambil maklum berkenaan penerimaan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 bagi ketetapan mengenai Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 Bagi Staf Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- 2.8 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) pada 3 November 2021 telah meluluskan penerimaan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 bagi ketetapan mengenai Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 Bagi Staf Universiti Teknologi MARA (UiTM).

3.0 TAFSIRAN

Bagi maksud Pekeliling ini,

- 3.1 'imunisasi' mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 42);
- 3.2 "Ketua Jabatan" ertinya seseorang staf yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan, bahagian, unit atau cawangan di dalam UiTM dan termasuklah mana-mana staf yang diberi kuasa secara bertulis untuk menjalankan fungsi-fungsi seorang Ketua Jabatan bagi apa-apa tempoh masa;

- 3.3 "staf" ertinya semua kategori staf yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh UiTM secara tetap, sementara atau kontrak;
- 3.4 "pengamal perubatan berdaftar" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam peraturan 4 P.U. (A) 1/2012; dan
- 3.5 "Sijil Digital Vaksinasi COVID-19" ertinya Sijil Imunisasi COVID-19 yang dijana daripada aplikasi MySejahtera.

4.0 DASAR BAHARU

- 4.1 Setiap staf UiTM adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan. Ini bertujuan untuk memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan penyampaian perkhidmatan serta produktiviti perkhidmatan UiTM berada pada tahap yang optimum.

5.0 PELAKSANAAN

- 5.1 Pada atau selepas 16 November 2021,
 - (a) staf boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap dengan cara mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 atau bukti lain yang sah; dan
 - (b) mana-mana staf yang gagal mematuhi arahan Ketua Jabatan boleh menyebabkan staf dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.
- 5.2 Sekiranya staf,
 - (a) tidak dapat melengkapkan dos imunisasi COVID-19 atas sebab kesihatan, staf boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk membuat pemeriksaan kesihatan dengan pengamal perubatan berdaftar bagi mengesahkan bahawa staf tidak layak untuk menerima imunisasi COVID-19 dari segi perubatan (*medically ineligible*);

- (b) telah mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar bahawa staf tidak layak untuk menerima imunisasi COVID-19 atas sebab kesihatan, staf boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk membuat ujian pengesanan COVID-19;
- (c) disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar bahawa staf layak untuk menerima imunisasi COVID-19, staf boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap dengan cara mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 atau bukti lain yang sah; dan
- (d) gagal mematuhi mana-mana arahan Ketua Jabatan yang dikeluarkan kepada staf yang berkaitan dengan perenggan (a), (b) atau (c), staf boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

5.3 Walau bagaimanapun Ketua Jabatan boleh pada bila-bila masa, mengarahkan mana-mana staf yang belum mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap untuk membuat pemeriksaan kesihatan bagi menentukan status kesihatan terkini staf. Sekiranya pengamal perubatan berdaftar mengesahkan staf layak untuk mendapatkan imunisasi COVID-19, staf boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap dengan cara mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 atau bukti lain yang sah. Mana-mana staf yang gagal untuk mematuhi arahan tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

5.4 Bagi memastikan pelaksanaan dasar ini berjalan dengan lancar, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan apa-apa kaedah yang bersesuaian untuk menguruskan mana-mana staf yang tidak mendapatkan atau melengkapkan imunisasi COVID-19 termasuklah mengarahkan staf untuk membuat ujian pengesanan COVID-19. Apa-apa kos yang berbangkit daripada ujian pengesanan itu hendaklah ditanggung sendiri oleh staf.

5.5 Walau bagaimanapun, bagi staf yang tidak layak untuk menerima imunisasi COVID-19 dari segi perubatan (medically ineligible), kos untuk membuat ujian pengesanan COVID-19 akan ditanggung oleh UiTM.

5.6 Staf UiTM yang belum lengkap vaksin/ belum vaksin hendaklah:

- (a) Memastikan telah mendaftarkan dirinya untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 sebelum atau pada 15 November 2021.
- (b) Selagi belum mendapat dos imunisasi COVID-19 lengkap, staf hendaklah melaksanakan kerja secara BDR.
- (c) Mematuhi semua tatacara pelaksanaan BDR, penyediaan laporan dan keberadaan.
- (d) Selepas selesai diperolehi dos imunisasi COVID-19 lengkap, staf hendaklah hadir untuk bertugas secara fizikal ke pejabat mengikut ketetapan PTJ masing-masing.
- (e) Sekiranya, staf yang mempunyai keperluan untuk hadir ke pejabat/premis UiTM atau diminta oleh Ketua PTJ/Ketua Jabatan/Bahagian untuk hadir secara fizikal di pejabat; staf hendaklah melaksanakan ujian COVID-19 dan memaparkan keputusan negatif. Keputusan ujian hanya sah untuk tempoh tiga (3) hari sahaja.
- (f) Kos ujian adalah di bawah tanggungan staf sendiri.
- (g) Selepas keputusan negatif dipaparkan/dibuktikan, staf hendaklah hadir ke pejabat mengikut ketetapan PTJ.

5.7 Sekiranya terdapat staf yang masih belum atau tidak mahu menerima dos imunisasi COVID-19 lengkap, mereka ini boleh diberikan arahan oleh Ketua Jabatan bagi mendapatkan dos imunisasi COVID-19 lengkap di dalam tempoh yang ditetapkan, yang mana sekiranya gagal dipatuhi, maka mereka ini boleh disifatkan sebagai ingkar arahan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

6.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 17 November 2021.


7.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 3 November 2021.

8.0 PEMAKAIAN

8.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua **staf** Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.

8.2 Pekeliling ini **membatalkan** Pekeliling Naib Canselor Bilangan 17 Tahun 2021 bertarikh 5 November 2021.



PROFESOR Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

Salinan Kepada:

Semua Rektor UiTM Cawangan

Semua Dekan Fakulti

Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit

Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-UiTM (NC. 6/2)

No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 18